

Ghost Smoke: KPDNHEP periksa 2,401 premis

PUTRAJAYA 1 Ogos - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menjalankan pemeriksaan ke atas 2,401 premis di seluruh negara bagi tempoh 23 hingga 31 Julai lalu dalam usaha membanteras penjualan gula-gula Ghost Smoke-Cool Fruit Powder dalam kalangan pelajar sekolah.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Ha-

lim Sulaiman berkata, pemeriksaan itu membabitkan pomborong dan peruncit.

Beliau berkata, hasil daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 1,762 paket gula-gula berkenaan telah dirampas untuk tindakan lanjut.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki menjual barangan yang menggunakan

perihal dagangan palsu.

"Sekiranya disabitkan kesalahan, individu yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan. Sebaliknya, bagi peniaga bukan pertubuhan perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Iskandar berkata, operasi tersebut dijalankan kerana pihak Kementerian menyedari kebimbangan ibu bapa terhadap penjualan secara meluas gula-gula berkenaan dalam kalangan pelajar, yang dijual dengan harga 50 sen sepaket.

"Pihak Kementerian ingin memberi amaran dan mengingatkan mana-mana peniaga supaya menghentikan segera penjualan gula-gula Ghost Smoke terbabit," katanya.



PEGAWAI penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merampas gula-gula Ghost Smoke dalam satu operasi, baru-baru ini. - IHSAN KPDNHEP